



Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

CSR sebagai kursus kokurikulum IPT

Baru-baru ini Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin seperti yang dilaporkan oleh media massa mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama daripada sektor swasta dan badan korporat dengan mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Katanya, masih banyak ruang dan peluang bagi syarikat untuk menjalankan program CSR, khususnya dalam bidang pendidikan tinggi. Program CSR tidak terhad kepada pemberian pinjaman atau biasiswa semata-mata, tetapi boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk.

Penulis bersetuju bahawa pemahaman mengenai CSR itu harus diperluas lebih daripada itu supaya dapat dimanfaatkan oleh mereka yang terbabit.

Konsep CSR

Lattimore, Baskin, Heiman & Toth (2009) mendefinisikan CSR sebagai satu pembuktian komitmen organisasi kepada komuniti berdekatan, pengguna, dan lain-lain syarikat bertujuan menjadi warganegara yang baik.

Berdasarkan definisi ini serta beberapa pandangan sarjana lain dapat dirumuskan bahawa betapa pentingnya syarikat korporat melalui inisiatif CSR mereka melaksanakan sesuatu yang

mampu memberikan impak dan momentum positif kepada masyarakat secara keseluruhan. Masyarakat ialah pendorong serta penyokong utama kewujudan sesebuah institusi itu.

Konsep CSR ialah inovasi terkini syarikat-syarikat besar di seluruh dunia dan trend ini turut mempengaruhi badan korporat di Malaysia.

Berbalik kepada cadangan Menteri Pengajian Tinggi, pihak IPT sewajarnya mengambil peluang dengan mencipta program berbentuk CSR membabitkan pelajar masing-masing. Sementara pihak IPT boleh mencadangkan program berbentuk sukarelawan untuk menjalankan CSR.

Sama ada disadari atau tidak, terdapat banyak institusi yang memerlukan perhatian dan bantuan berada berhampiran dengan IPT.

Lantaran itu sebagai permulaan, institusi ini boleh dijadikan tempat untuk pelajar melaksanakan aktiviti CSR.

Terdapat rumah kebajikan, rumah orang-orang tua, rumah anak-anak yatim atau Pertubuhan Kebajikan Islam (Perkim) berdekatan dengan IPT yang boleh menjadi tempat yang sesuai menjalankan CSR.

Jam kredit

Bagi menggalakkan pembabitkan pelajar IPT dalam CSR, dicadangkan supaya ia diiktiraf oleh universiti sebagai kursus kokurikulum dengan diberi jam kredit seperti kokurikulum lain. Langkah ini tentunya akan menambah minat serta meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti CSR ini.

Melalui kursus kokurikulum, program CSR dapat dilaksanakan dengan teratur berdasarkan modul kursus, manakala kumpulan pelajar yang mengikuti kursus ini

wajib terbabit serta dapat memantau program dari semasa ke semasa dalam tempoh dua semester.

Aktiviti CSR

1 Bantuan kewangan dan keperluan asas

Bagi menjayakan program CSR ini pelajar boleh mendapatkan dana atau keperluan asas daripada organisasi korporat dan menyalurkannya kepada penghuni rumah kebajikan. Organisasi penyumbang juga boleh dilibatkan bersama dalam program ini.

2 Pembersihan kawasan dan penjagaan persekitaran

Kumpulan pelajar boleh mengadakan program gotong-royong membersihkan kawasan institusi yang dipilih serta mencantik dan menghijaukan kawasan berkenaan dengan aktiviti menanam pokok. Kumpulan ini akan memantau selama dua

semester sebelum diteruskan oleh kumpulan pelajar baru.

3 Program bimbingan akademik

Pelajar program CSR boleh mengadakan aktiviti bimbingan akademik untuk anak-anak yatim yang tinggal di institusi itu yang mengambil peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki pelajar IPT tentunya dapat membantu mereka menghadapi peperiksaan penting itu.

4 Program bimbingan agama/kerohanian

Pelajar juga boleh menjalankan CSR dalam bentuk bimbingan agama/kerohanian untuk penghuni rumah orang-orang tua atau saudara baru yang bernamun di bawah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia

(PERKIM). Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) misalnya, yang berpengetahuan agama mendalam boleh berkongsi ilmu dengan golongan ini.

5 Menjalankan kajian/tinjauan

Program SCR juga membuka peluang kepada pelajar dan pensyarah menjalankan kajian atau tinjauan bagi mengumpul data yang boleh digunakan sebagai rujukan oleh IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan. Data ini mungkin berguna kepada mereka untuk tindakan susulan.

Hasil daripada kursus kokurikulum CSR ini tentunya dapat memberi manfaat kepada pelajar dari segi pendedahan serta pengalaman dalam membantu pihak lain yang memerlukan selain lulus kursus itu sebagai syarat bergraduat.

Pelajar dipupuk dengan nilai murni seperti prihatin, membantu orang yang memerlukan serta kasih sayang tentunya memberi keinsafan kepada mereka bahawa masih ramai di luar sana yang masih memerlukan bantuan.

Penglibatan pelajar IPT dalam program CSR boleh dijadikan bekalan apabila bekerja kelak. Dengan pengalaman itu, anda boleh mencadangkan kepada organisasi untuk mengadakan program seumpama ini dengan pihak yang memerlukan.